



07 DEC, 2021

PLUS tingkat keselamatan pengguna

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

PLUS tingkat keselamatan pengguna

Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar mempercepat proses penyelenggaraan lebuh raya

Oleh Saadiah Ismail
 saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar yang dilancarkan semalam, bakal menjadi saluran inovasi yang membolehkan integrasi teknologi dilaksanakan dalam urusan penyelenggaraan lebuh raya PLUS di seluruh negara.

Program berkenaan adalah antara inisiatif untuk mempercepatkan lagi proses penyelenggaraan lebuh raya dengan memanfaatkan teknologi terkini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata untuk permulaan kerjasama itu untuk memastikan pengurusan PLUS memenuhi hasrat kerajaan memperkasakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) menerusi penggunaan teknologi tinggi dan berkesan dalam pengurusan dan penyelenggaraan lebuh raya.

"Menerusi projek inovasi seperti pengesanan lubang di jalan raya, penambahbaikan trafik dan lalu lintas di lebuh raya, pengesanan data untuk mengenal pasti jumlah kenderaan di lebuh raya dan lain-lain, idea yang hebat ini bakal memberi

manfaat kepada pengguna lebuh raya dalam kalangan Keluarga Malaysia.

"Lebuh raya pintar ini berkonsepkan gabungan pelbagai peranti Internet Kebendaan (IoT) untuk meningkatkan kecekapan keselamatan pemandu serta pengguna serta penggunaan tenaga bersih untuk menggalakan kelestarian.

"Kerjasama ini akan membuka peluang dan akses kepada teknologi baharu seperti sensor, sistem kecerdasan termaju dan keselamatan siber untuk membolehkan automasi kerja penyelenggaraan menerusi pengumpulan data yang pantas dan tepat di lebuh raya Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pertukaran memorandum persefahaman (MoU) Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pin-

tar di antara Plus Malaysia Berhad (PLUS) dan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) sebagai sekretariat utama mewakili Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional (NTIS).

Dr Adham berkata, Malaysia perlu mengambil peluang untuk menerokai teknologi baharu khususnya oleh bakat tempatan yang mampu meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan pengguna lebuh raya.

Katanya, MOSTI mengalu-alukan penyertaan syarikat pemula yang mampu meningkatkan pengalaman pengguna lebuh raya untuk menyertai ekosistem NTIS, seterusnya mempercepatkan lagi pengkomersialan teknologi.

"Saya yakin bakat tempatan dalam kalangan syarikat pemula mempunyai idea hebat bagi me-

nambah baik kemudahan lebuh raya di negara ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi PLUS, Datuk Zakaria Ahmad Zabidi, dalam taklimatnya, berkata perancangan 'lima tahun teknologi pintar' itu merangkumi automasi pengesanan kecacatan cerun, automasi pengesanan kerosakan jambatan pada sepanjang 2022, automasi pengesanan kerosakan (jalan) pada 2023, pengesanan perkhidmatan trafik automatik dan pengesanan objek asing (2024), seterusnya mencapai automasi sepenuhnya menjelang 2025.

Katanya, PLUS juga merancang meningkatkan pelaburannya bagi mencapai tahap optimum inovasi dalam industri lebuh raya, termasuk menggunakan analisis video dan teknologi kecerdasan buatan (AI).



Zakaria dan Ketua Pegawai Eksekutif Teknologi Park, Dzuleira Abu Bakar bersama Dr Adham (tengah) pada majlis pertukaran MoU Program Rintis Sandbox Lebuh Raya Pintar di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)



07 DEC, 2021

PLUS tingkat keselamatan pengguna

Berita Harian, Malaysia



SUMMARIES

Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar percepat proses penyelenggaraan lebuhraya

Kuala Lumpur: Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar yang dilancarkan semalam, bakal menjadi saluran inovasi yang membolehkan integrasi teknologi dilaksanakan dalam urusan penyelenggaraan lebuhraya PLUS di seluruh negara.

Program berkenaan adalah antara inisiatif untuk mempercepatkan lagi proses penyelenggaraan lebuhraya dengan memanfaatkan teknologi terkini.